

## Ahli akademik sambut baik Institut Pemikiran Taib


KUCHING, Selasa — Cadangan penubuhan Institut Pemikiran Taib Mahmud oleh Pergerakan Pemuda Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) mendapat reaksi positif daripada pensyarah kanan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) yang juga Penganalisis Politik dan Ahli Akademik Profesional.

Penganalisis Politik, Dr Jeniri Amir, berkata, penubuhan institut tersebut bukan sahaja dilihat sebagai penghormatan kepada Ketua Menteri Sarawak, Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, malah turut dilihat sebagai tanda menghargai jasa dan sumbangan beliau yang telah memegang tampuk kepimpinan selama 33 tahun.

"Saya percaya dengan adanya institut ini, ia akan menjadi wadah untuk para ahli akademik sebagai sebuah institut untuk menfokuskan penulisan serta penerbitan yang berkaitan dengan dasar ekonomi, politik dan sosial yang sejajar dengan wawasan Ketua Menteri.

"Selain itu, institut ini juga boleh dijadikan sebagai medan pendidikan untuk menganalisis dan mengkaji pemikir serta pandangan para ahli fikir yang mahir dalam bidang politik, ekonomi, pendidikan dan pembangunan di Sarawak secara menyeluruh," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Jeniri berkata, sumbangan daripada pihak luar juga wajar untuk difikirkan bagi meluaskan pemikiran dalam bidang Politik, Dasar Realiti Baharu, Ekonomi, Sains Teknologi dan Pembangunan Modal Insan (Etnik Sarawak).



**DR. JENIRI...** Medan analisis dan kajian.

"Kita mahu institut ini mampu menjadi wacana untuk mengubah kepimpinan dan pemikiran yang baharu agar Sarawak terus menjadi sebuah negeri yang membangun serta mencapai objektifnya," ujarnya.

"Malah adalah lebih praktikal jika ia diperluaskan kepada sesiapa sahaja, kerana hasil daripada penyelidikan akan memberikan input yang sangat berguna. Contohnya mengadakan kolokium dan simposium untuk pelbagai pihak bagi melaksanakan perkongsian idea dan pendapat yang bernas dalam bidang-bidang tertentu untuk dijadikan kepada panduan kepada generasi masa hadapan," katanya.

Sementara itu, Ahli Akademik Profesional, Dr Siti Zanariah Ahmad Ishak, berkata Institut Pemikiran Taib Mahmud bakal menjadi institut utama untuk menyebarkan ilmu.

"Bagi saya institut tersebut perlu digunakan oleh setiap lapisan masyarakat, bukan sahaja dalam kalangan ahli akademik, hal ini penting kerana institut ini bakal menjadi sebuah institusi pembelajaran



**DR. SITI ZANARIAH...** Medium pertukaran idea.

sepanjang hayat.

"Maksudnya setiap pihak yang terlibat dalam penubuhan institut perlu bersama menggunakannya sebaik mungkin serta melibatkan masyarakat dalam pelaksanaannya. Jadikan institut itu sebagai medium pertukaran idea seperti pengaliran maklumat dari bawah ke atas (Bottom Up)," katanya.

Sebelum ini, seperti yang dilaporkan dalam akhbar, Ketua Pergerakan Pemuda PBB, Datuk Haji Fadillah Yusuf berkata, beliau mencadangkan institut tersebut ditubuhkan di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

"Pergerakan Pemuda PBB akan mengetengahkan perkara itu kepada pihak Majlis Kerja Tertinggi PBB untuk mendapatkan persetujuan," ujarnya.

Tambah Fadillah, institut itu boleh berperanan sebagai pusat rujukan dan latihan kepimpinan rakyat memahami pemikiran Pehin Sri yang berjaya mentransformasikan Sarawak daripada negeri yang ketinggalan dalam bidang ekonomi kepada yang terkaya di Malaysia.